



JABATAN PERDANA MENTERI

TERAJU

PENERAJU BUMIPUTERA

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

TERAJU ANJURKAN SUPERB *NETWORKING DAY* 2022, BANTU SEMARAKKAN EKOSISTEM USAHAWAN PEMULA BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR, 31 OKTOBER 2022 – Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) selaku agensi bermandatkan Bumiputera di bawah Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan *SUPERB Networking Day 2022* yang dihadiri oleh YB Datuk Dr Abd Latiff Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas) yang juga selaku Pengerusi TERAJU.

Sesi ini memberi peluang kepada para pemenang SUPERB dari tahun 2014 hingga 2021 untuk berhubung dan menjalankan kerjasama strategik bersama pelabur, pemegang taruh serta pemain industri utama di dalam bidang perniagaan. Sesi ini juga turut menyaksikan penyampaian anugerah kepada 23 pemenang SUPERB tahun 2021 yang disempurnakan oleh Datuk Dr Abd Latiff Ahmad.

Program SUPERB ini merupakan program berasaskan 'business pitching' yang bermatlamat untuk mengenalpasti dan mengasah bakat serta kebolehan belia Bumiputera dalam bidang keusahawanan yang telah diperkenalkan sejak tahun 2014 lagi. Objektif utama program ini diwujudkan adalah untuk membangunkan dan menyemarakkan ekosistem usahawan permulaan Bumiputera yang kompetitif, kreatif dan inovatif dalam mengembangkan idea perniagaan mereka.

Melalui program SUPERB ini, usahawan Bumiputera berpeluang bukan sahaja memperbaiki teknik pembentangan perniagaan, malah menaik taraf kualiti idea perniagaan sekaligus mampu menjadi usahawan berintegriti, berinovasi, berdaya tahan dan berupaya membawa perniagaan mereka ke pasaran tempatan dan antarabangsa. Dengan peruntukan keseluruhan sejumlah RM11.5 juta, seramai 231 usahawan permulaan Bumiputera yang berjaya dibantu di bawah program SUPERB dengan lebih



JABATAN PERDANA MENTERI

TERAJU

PENERAJU BUMIPUTERA

dari 62% produk dan perkhidmatan mereka berjaya dikomersialkan di pasaran domestik dan antarabangsa. Antara syarikat-syarikat pemula di bawah SUPERB yang telah menempa kejayaan ialah:

- i. Dropee, platform pasaran B2B e-Dagang yang membolehkan pembekal dan peruncit merekodkan tempahan, jualan, inventori dan laporan analitikal secara digital, dengan hasil jualan mencecah RM1.1 bilion pada tahun 2022.
- ii. KATSANA, mengukir nama dalam sektor logistik, data raya, *Internet of Things* (IoT) dan insurans. KATSANA telah membangunkan teknologi jejukan posisi GPS yang digunakan oleh beribu-ribu kenderaan komersial di Asia Tenggara dengan hasil jualan setakat Julai 2022 bernilai RM2.9 juta.
- iii. MeDKAD, melalui projek MedKAD Medical Benefits Administration System, sebanyak 1,300 buah klinik, 70 buah hospital, 80 buah klinik pergigian, serta 190 pusat mata menggunakan sistem ini dengan pendapatan hasil sehingga Julai 2022 bernilai RM90 juta.

Sesi ini juga turut menyaksikan perkongsian idea dan pengalaman daripada rakan-rakan strategik TERAJU mengenai tren dan peluang baharu yang boleh diteroka usahawan Bumiputera:

- i. YBhg. Datuk Azrin Mohd Noor, Pengarah dan Pengasas SEDANIA Innovator yang berkongsikan mengenai *“Innovation, Opportunities and Business Transformation”*.
- ii. Encik Farrish Ishak, Timbalan Presiden, *Listing Development*, Bursa Malaysia melalui sesi perkongsian mengenai *“The Road to Creating an IPO”*; dan
- iii. Pn Alia Abdul Halim, Pembantu Pengurus, Strategi & Inovasi Digital, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang berkongsi mengenai *“Leaping Ahead with Equity Crowd Funding and Peer-2-Peer Financing”*.

Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU, Dato' Md Silmi bin Abd Rahman berkata, “Potensi Bumiputera perlu dilonjakkan, dan TERAJU sebagai agensi yang bertanggungjawab



JABATAN PERDANA MENTERI

TERAJU

PENERAJU BUMIPUTERA

memacu agenda penting ini, kami sentiasa berusaha agar usahawan Bumiputera boleh bersaing di persada antarabangsa. Justeru itu, usahawan Bumiputera perlu membudayakan tadbir urus yang cekap, sistem undang-undang yang berkesan dan disiplin kewangan yang baik melalui inisiatif-inisiatif di dalam Bidang Keutamaan TPB2030”

#TAMAT#

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat, TERAJU
siti.rozalina@teraju.gov.my | 6019 238 4262
nurulhidayah@teraju.gov.my | 6013 369 5159
nurulainaa@teraju.gov.my | 6010 239 6969

MENGENAI SUPERB

Program Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) adalah program berasaskan pertandingan ‘business pitching’ untuk mengenal pasti usahawan permulaan Bumiputera yang mempunyai idea perniagaan yang kreatif, inovatif dan lestari. Sejak dilancarkan pada tahun 2014, SUPERB telah berjaya melahirkan seramai 231 usahawan permulaan Bumiputera dan membantu merealisasikan idea perniagaan mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

MENGENAI TERAJU

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah ditubuhkan pada tahun 2011 di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagai organisasi strategik yang berperanan untuk meneraju, memacu dan menyelaras penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Kini, fungsi TERAJU telah diperluaskan sebagai penyelaras utama Agenda sosioekonomi Bumiputera bertrajektori tinggi, melalui tindakan intervensi strategik, inisiatif dan program berlandaskan bidang keutamaan dalam Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).



JABATAN PERDANA MENTERI

TERAJU

PENERAJU BUMIPUTERA

TERAJU berperanan menggalakan penyertaan Bumiputera dalam industri strategik yang berimpak tinggi ke arah menghasilkan ekosistem pembangunan Bumiputera yang mampan, dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif.

TERAJU turut dipertanggungjawabkan memacu aspek kesejahteraan hidup seperti pendidikan, kesihatan, keselamatan sosial dan kelestarian bagi menghasilkan persekitaran yang selesa dan dinamik, serta mengangkat martabat Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi.
